

Pemimpin jujur tak perlu iklankan diri

BH 15 JUL 1985

MENTAKAB, Ahad — Rakyat akan hilang kepercayaan terhadap kerajaan dan tidak menghormati pemimpin-pemimpin negara jika jentera kerajaan dijangkiti wabak rasuah yang menjadi pegangan segelintir pemimpin parti.

Perdana Menteri dan Presiden Umno, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengingatkan pemimpin-pemimpin Umno yang merebut jawatan dalam parti supaya menghentikan segera segala amalan buruk

yang boleh membawa padah kepada parti dan orang Melayu.

"Kita tidak dapat nafikan bahawa antara amalan-amalan buruk itu ialah rasuah dan mengiklankan diri sendiri kononnya kita ini baik dan boleh diharap.

"Kita harus ingat bahawa apabila rakyat dan anggota-anggota perwakilan parti menjadi sensitif dan berfikiran terbuka, ketika itulah kejujuran seseorang menjadi ukuran sebenar.

"Kalau kita jujur memperjuangkan pembangunan rakyat, kita tidak

perlu mengeluarkan wang dengan harapan kita akan diterima oleh perwakilan," katanya ketika merasmikan penubuhan dan persidangan agung perwakilan Umno Bahagian Mentakab di sini hari ini.

Menurut beliau, jika amalan rasuah, mengiklankan diri dan apa juga amalan bertentangan dengan keimanan berlaku, Umno terdedah kepada kemungkinan menjadi sebuah pertubuhan rasuah.

Dalam keadaan yang demikian kerajaan yang ditunjangi oleh Umno ti-

dak dapat tidak akan dihindangi amalan rasuah yang hanya akan menambah penderitaan rakyat.

"Saya ingin mengingatkan, jika kita mahu rakyat cintakan kita, janganlah lakukan rasuah walau sekecil manapun.

"Amalan rasuah di kalangan orang yang ingin mendapat tempat boleh dikekang jika kita sebagai anggota perwakilan menolak pemberian rasuah itu, walaupun kita sememangnya tidak mahu memilih mereka," ujarnya.

Malang

Datuk Seri Dr Mahathir menegaskan, kerajaan akan datang akan menjadi lebih malang jika rasuah semakin menjadi-jadi, baik dalam pentadbiran mahupun dalam proses pemilihan pucuk pimpinan parti.

Di samping rasuah dan mengiklankan diri sendiri, beliau juga mengingatkan pemimpin-pemimpin kerajaan dan parti jangan bersikap angkuh jika orang Melayu, terutamanya pemimpin parti, mahu Umno terus berkuasa.

"Buktinya sudah begitu jelas apabila sebuah negeri menolak kepemimpinan sebuah parti yang berkuasa semata-mata kerana mereka tidak menghormati pemimpin yang sombong."